

## **TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN BARAT: PROSPEK MASA DEPAN KE ARAH PEMBANGUNAN PERADABAN MANUSIA**

Wan Haslinawati Wan Hassan  
wanhaslinawati@gmail.com

Mohd Isa Hamzah  
isa\_hamzah@ukm.edu.my

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Pembentukan sesebuah tamadun atau peradaban berkait rapat dengan elemen pembangunan peradaban manusia. Kemajuan sesebuah tamadun juga disebabkan oleh masyarakat yang sentiasa berusaha membina peradaban mereka. Islam mempunyai cara tersendiri dalam membangunkan peradaban manusia iaitu merujuk kepada ajaran yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW dan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. Pembangunan peradaban yang menepati roh Islam akan menghasilkan suasana masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Walau bagaimanapun, berbeza pula daripada perspektif barat, pembangunan peradaban manusia boleh mengabaikan aspek agama dan budaya hidup. Falsafah sekularisme yang dibawa oleh tamadun barat telah mengabaikan aspek agama dan budaya yang merupakan penyumbang utama kepada pembangunan peradaban dan tamadun yang baik.. Justeru kajian ini akan membincangkan prospek futuristik ke arah pembangunan peradaban manusia yang lebih berwawasan agar tamadun yang kukuh dapat dibina sebaiknya. Sokongan dari segala aspek amat diperlukan agar peradaban manusia yang direncana dapat direalisasikan sebaiknya setanding dengan negara-negara maju yang lain. Hasil penulisan ini mendapatuntuk membina sebuah peradaban atau tamadun manusia yang utuh, ianya perlu kepada gabungan semua aspek dalam kehidupan. Nilai-nilai baik yang terdapat dalam tamadun barat juga boleh diadaptasikan dalam membina tamadun manusia di negara kita tanpa mengeneplikan nilai-nilai agama yang digariskan oleh Islam.

*Kata kunci:* Tamadun Islam, Tamadun Barat, Peradaban Islam.

## Pengenalan

Manusia merupakan elemen penting yang sentiasa memainkan peranan untuk membangunkan peradaban. Sebagai agen pembangunan peradaban (Norazlan et al. 2014), manusia perlu membangunkan dan mengembangkan segala aspek dan potensi diri agar tamadun yang kukuh dapat dibina sebaiknya. Sokongan dari segala aspek sangat diperlukan agar peradaban manusia yang direncana dapat direalisasikan sebaiknya setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Pembentukan sesebuah tamadun atau peradaban berkait rapat dengan elemen pembangunan peradaban manusia. Kemajuan sesebuah tamadun juga disebabkan oleh masyarakat yang sentiasa berusaha membina peradaban mereka. Islam mempunyai cara tersendiri dalam membangunkan peradaban manusia iaitu merujuk kepada ajaran yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW dan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah (Mahyuddin et al. 2019). Pembangunan yang menepati roh Islam akan menghasilkan suasana masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Walau bagaimanapun, berbeza pula daripada perspektif barat, pembangunan peradaban manusia boleh mengabaikan aspek agama dan budaya hidup. Falsafah sekularisme yang dibawa oleh tamadun barat (Muhamad Hanapi 2018) telah mengabaikan aspek agama dan budaya yang merupakan penyumbang utama kepada pembangunan peradaban dan tamadun yang baik. Budaya hidup berdasarkan falsafah hedonisme seperti manipulasi, spekulasi, eksploitasi, kehidupan bebas menjadi suatu budaya dan gaya hidup masyarakat barat. Pada pendapat mereka pembangunan peradaban manusia boleh sahaja dibina dalam budaya hidup sedemikian.

## Definisi Tamadun

Pada abad ke-18 Masihi, perkataan “*civilization*” mula diperkenalkan di Perancis. Walaupun begitu, perkataan “*civilization*” ini sudah digunakan semenjak abad ke-16 masih lagi. Perkataan “*civilization*” ini adalah gabungan dari dua perkataan iaitu “*civilized*” dan “*to civilize*” yang membawa maksud “*beradab*” dan ”*ke arah beradab*”. Pada tahun 1772, perkembangan masyarakat di England boleh dianggap mencapai “*civilization*” disebabkan mereka berjaya mencapai suatu tahap tertinggi dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Penggunaannya telah digunakan secara meluas hingga ke seluruh Eropah (Abdullah 2013). Arnold Toynbee, seorang sarjana Barat menjelaskan bahawa tamadun ialah kebudayaan yang berkembang di sesebuah kota dan satu gaya kebudayaan yang bertanggungjawab dalam membentuk sesebuah institusi politik, kesusastraan, agama dan moral sesebuah masyarakat (Dan et al. 2014).

Antara tokoh yang banyak membahaskan konsep ketamadunan ialah Ibn Khaldun. Beliau merupakan sarjana Islam pertama yang membicarakan berkaitan tamadun melalui penulisannya di dalam sebuah buku yang terkenal iaitu *Muqaddimah*. Antara kalimah Arab yang mempunyai maksud yang sama dengan tamadun dan digunakan secara meluas ialah ‘*umran*’, ‘*hadarah*’ dan ‘*maddana*’. Istilah tamadun berasal dari perkataan arab yang bermaksud budi bahasa dan kesopanan tingkah laku. Ianya berasal daripada kata kerja *maddana* yang bermaksud memperhalusi budi bahasa dan memperelok tingkah laku serta membuka atau membuat bandar. Perkataan *madana* terbit dari perkataan *madinah* yang bermaksud bandar. Perkataan *madana* juga bererti bersifat halus dan beradab sopan dalam budi bahasa dan tingkah laku. Selain itu, lahir juga perkataan *madani* yang bererti kelakuan orang bandar yang bersifat halus dalam budi bahasa dan beradab sopan dalam tingkah laku. Istilah tamadun adalah terbitan daripada lafaz *tamaddana* iaitu

perubahan situasi kehidupan yang kebiasaannya liar kepada kehidupan yang berbentuk maju (al-Mu'jam 1989).

Tamadun didefinisikan sebagai kebudayaan, peradaban, kemajuan dan sopan santun (Kamus Dewan (2007). Para pengkaji peradaban Islam memberikan pelbagai definisi terhadap istilah tamadun Rofie (2009). Keseluruhan definisi tertumpu kepada pembangunan peradaban manusia dan mengikut peredaran masa yang dibawa oleh Islam. Antara definisi-definisi tersebut termasuklah:

1. Al-Syirazi

Perbincangan tentang sesuatu kekuasaan, kehebatan, kemajuan dan kemakmuran pemerintahan sesebuah bangsa yang menjurus kepada sejarah keilmuan, peradaban dan kemajuan industri serta pembangunan ekonomi sesebuah negara.

2. Syed Naquib al-Attas

Gambaran kehidupan manusia yang mencapai tahap tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakatnya.

3. Abu Bakar Hamzah

Perkembangan yang lahir daripada kehidupan manusia yang berupa niskala atau abstrak mahupun yang berupa sekala atau material.

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai pengertian tamadun yang telah dijelaskan oleh para sarjana Islam dan juga sarjana barat. Kesimpulannya, manusia yang bertamadun boleh dirumuskan sebagai manusia yang telah mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek kehidupan mereka termasuklah aspek kemajuan fizikal, moral, budi pekerti, kebudayaan, penempatan, intelekual serta manfaat kemajuan tersebut boleh dilihat melalui penstrukturran semula penempatan mereka yang berada di bandar dan kota.

## Konsep Tamadun Islam

‘World View’ terhadap tamadun Islam merangkumi beberapa aspek. Perbezaan dari beberapa aspek telah menyebabkan tamadun Islam amat berbeza dengan tamadun lain di dunia. Tokoh-tokoh Islam mengemukakan pelbagai pandangan tentang konsep tamadun Islam. Antara tokoh tersebut ialah Sayyid Qutb yang banyak memperkatakan tentang Islam. Beliau mengatakan bahawa tamadun Islam merupakan sekumpulan masyarakat yang menghasilkan kemajuan dalam aspek ekonomi, sistem sosial, pemerintahan, politik dan kebudayaan yang bercirikan nilai-nilai moral dan berlandaskan syariat Islam (Siti Fatimah et al. 2018).

Dr. Albert Schwitzer seorang ahli falsafah Jerman telah mendefinisikan tamadun Islam sebagai tindakan manusia ke arah kemajuan secara keseluruhannya yang telah mencapai kesempurnaan rohani. Oleh itu, berdasarkan definisi yang diberikan oleh seorang tokoh Islam dan barat tersebut, jelas menunjukkan bahawa pembangunan yang dilalui oleh tamadun Islam telah menepati syariat Islam yang sebenar berpandukan al-Quran dan as-Sunnah demi mencapai keredhaan Allah SWT sehingga terbentuknya sebuah masyarakat yang aman dan harmoni. Walaupun tamadun Islam mementingkan kedua-dua aspek iaitu aspek duniaawi dan rohani dalam kehidupan, namun aspek pembangunan spiritual sangat diberi keutamaan (Abdullah 2013).

## Konsep Tamadun Barat

Za'aba telah menjelaskan bahawa Barat ialah masyarakat yang telah maju dan moden. Masyarakat yang telah mencapai kemajuan dalam pendidikan, sains, teknologi, ekonomi, ketenteraan dan pemerintahan boleh ditafsirkan sebagai pemerintahan yang ‘maju’ (Jamaludin 2018). Za'aba menyifatkan Barat telah maju dari aspek jasmani namun dalam aspek kerohanian mereka masih lagi mundur dan hanya berfikir menggunakan akal semata-mata. Pada abad ke-19 Masihi istilah ‘Barat’ pertama kalinya digunakan oleh pihak Rusia.

## Latar Belakang Istilah Pembangunan

Pembangunan dan peradaban manusia adalah dua elemen yang sentiasa berkait rapat bagi membentuk sesbuah tamadun atau peradaban masa kini. “*Bangun*” adalah kata dasar bagi *pembangunan* yang bermaksud perihal membangun, proses membangun iaitu mencapai kemajuan, perkembangan. Kamus Dewan (2005) memberi maksud pembangunan iaitu sebagai suatu usaha atau kegiatan membangunkan dengan memajukan serta mengembangkan.

Manakala *pembangunan* dalam Bahasa Inggeris adalah *development* yang berasal dari perkataan *develop*. *Development* memberi maksud perkembangan, kemajuan atau pembangunan. Perkataan *development* juga boleh dikatakan sebagai “*The process of becoming bigger, stronger, better etc.*” atau “*The process of creating something more advanced product*” (New Oxford-English-English-Malay Dictionary, 2004).

Perkataan pembangunan ataupun *development*, apabila merujuk kepada kalimah Bahasa Arab, ianya lebih dikenali sebagai *tanmiyah, tatawwur dan tahn* (*Al-Mustalah Mu'jam Injiliziy Arabiyy li al-Mufradat al-'Ilmiyyah wa al-Fanniyyah* 1967). Sementara itu, *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-'Asasiyy* (1989) menjelaskan maksud *tanmiyah* sebagai tambahan, pertumbuhan atau kenaikan yang berasal dari kata dasar *nama*. *Tanmiyah* ialah peningkatan taraf yang lebih baik. *Tatawwur* pula berasal daripada perkataan *tawwara* dan *tatawwur* memberi maksud perubahan atau perpindahan secara beransur-ansur dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Bagi istilah *tahn* pula, ianya berasal daripada perkataan *hasana* iaitu meruntuhkan yang buruk, merosakkan yang buruk dan daripada perkataan inilah wujudnya perkataan *tahn* yang boleh ditakrifkan sebagai memperindah, mempercantik atau memperhiaskan (*Mu'jam al-Sihah* 2007).

Oleh itu, setiap perkataan di atas sama ada pembangunan, *development*, *tanmiyah*, *tatawwur* ataupun *tahn* adalah perkataan yang berbeza namun ianya memberi maksud yang sama iaitu perubahan. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa pembangunan adalah satu proses tindakan yang akan merubah sesuatu keadaan daripada keadaan yang kurang baik kepada suatu keadaan yang lebih baik.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (2007) memberi takrifan pembangunan sebagai gerak usaha yang disedari secara sengaja ke arah Islam sejati ketika menghadapi cabaran. Tuntutan yang diperolehi dari takrifan ini ialah setiap usaha pembangunan yang dilakukan perlulah dilaksanakan mengikut lunas-lunas Islam secara keseluruhannya. Jika pembangunan tersebut tidak berlandaskan etika Islam yang sebenar maka ia bukanlah dinamakan pembangunan. Pembangunan yang dalam lingkungan Islam mampu membawa perubahan kepada yang bukan Islam. Dalam situasi seperti ini, perubahan ke arah Islam itu adalah sesuatu yang perlu dan ia dinamakan sebagai pembangunan. Sekiranya berada dalam situasi Islam sejati, maka situasi ini tidak memerlukan kepada pembangunan.

Selari dengan takrifan yang diberikan di atas, seorang ilmuan Islam iaitu Ziauddin Sardar (1977) berpandangan bahawa apabila sesebuah pembangunan masyarakat itu dibangunkan beserta roh Islam, maka kehidupan yang dilalui akan menurut ajaran Islam secara keseluruhannya. Sekiranya terdapat penghalang dalam meneruskan usaha pembangunan, ianya dinamakan sebagai gangguan dan unsur-unsur negatif yang datang dianggap sebagai halangan dalam mencapai cita-cita tersebut.

Dalam Islam, pembangunan yang dilaksanakan sama ada baik atau buruk tidak pernah diabaikan oleh Islam. Pembangunan yang sewajarnya harus menepati panduan yang telah disediakan oleh ajaran Islam serta bimbingan dan panduan tersebut telah diturunkan oleh Allah SWT melalui firmannya dalam ayat 9, Surah al-Isra' :

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَفْوُمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

*Maksudnya:*

*Sesungguhnya al-Quran ini memberikan petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus dan memberi khabar gembira kepada orang-orang Mu'min yang mengerjakan amal solah bahawa bagi mereka ada pahala yang besar.*

Hanya dengan pembangunan yang mengikut landasan Islam yang sebenar sahaja akan mampu membawa manusia kepada kebaikan dan kesejahteraan dunia dan akhirat (Mahyuddin et al. 2018). Matlamat pembangunan dalam Islam memerlukan kepada keredhaan Allah (*mardatillah*). Proses perubahan yang berlaku dalam perkembangan pembangunan melibatkan fizikal dan angka. Namun begitu, aspek bukan fizikal seperti aspek pemikiran, kerohanian dan lain-lain tidak dilupakan. Oleh itu pembangunan adalah perubahan ke arah keadaan yang lebih baik dengan mengekalkan aspek sesuatu keadaan yang berkeadaan baik.

## Konsep Pembangunan Peradaban Manusia

Manusia merupakan sebaik-baik kejadian makhluk yang dicipta oleh Allah SWT dengan pemberian tugas dan amanah yang sangat besar untuk dipikul sebagai pentadbir yang ditugaskan memakmurkan serta membangunkan peradaban. Kejadian manusia yang sempurna dari segi akal, jasmani dan rohani berkemampuan mencorak dan merubah masa depan peradaban dengan perancangan yang baik. Cetusan ilmu dari minda sarjana masa silam wajar direnungi dan dimanfaati oeh generasi pada hari ini untuk mengembalikan kembali kegemilangan peradaban manusia. Teras pembinaan peradaban harus bercirikan keseimbangan antara kemajuan material dan ketinggian akhlak yang berkonseptau tauhid (Jalil 2017).

Sejak dari abad ke-14 lagi, fenomena pembinaan dan kejatuhan peradaban manusia sering dijadikan perbincangan para sarjana dan pemikir di Timur dan Barat yang akhirnya mengetengahkan pelbagai pendekatan yang tersendiri. Kebanyakkan sarjana berpendapat bahawa manusia adalah unsur terpenting untuk memastikan pembangunan peradaban manusia pada masa depan dapat dicapai sebaiknya. Ibn Khaldun menjelaskan bahawa manusia adalah makhluk sosial dan pelaku utama bagi membentuk dan mencorak peradaban (Yahaya 2017). Setiap makhluk sosial

tidak boleh hidup bersendirian. Komuniti amat berkait rapat dengan manusia untuk bekerjasama dalam membangunkan institusi sosial bagi tujuan kemajuan diri yang akhirnya melahirkan sebuah peradaban manusia.

Peranan yang dimainkan agama merupakan satu lagi elemen utama yang sering dibincangkan oleh para pemikir dan sarjana bagi memantapkan pembangunan sesebuah peradaban. Masyarakat dunia telah menyaksikan kebangkitan tamadun Barat yang memiliki pelbagai kekuatan setelah berakhirnya era kegemilangan peradaban Islam (Dan et al. 2014). Proses globalisasi yang melanda seluruh masyarakat dunia pada hari ini merupakan penjajahan minda yang dicanang oleh barat sebagai bentuk kebebasan yang dicipta dalam diam untuk menghakis nilai keagamaan dan adat ketimuran. Dalam erti kata lain, barat telah berjaya mencipta satu kemerduan dan krisis baru dalam peradaban era moden dan pasca moden.

Pengukuhan pegangan agama berdasarkan tauhid amat penting bagi membentuk keseimbangan kemajuan material dan membangunkan kembali peradaban Islam. Peradaban yang menghayati agama akan lebih kukuh dalam bertindak membimbing manusia ke arah kekuatan jiwa, hormat-menghormati, saling tolong-menolong dan kesamaan hak dalam pergaulan. Pemantapan ilmu agama dalam kalangan rakyat secara keseluruhannya akan memantapkan dan menstabilkan peradaban.

### **Pendapat Tokoh Muslim Tentang Peradaban Manusia**

Malek Bennabi merupakan seorang tokoh Muslim yang pernah mendapat pendidikan di barat sejak berusia awal dua puluhan lagi. Beliau menyatakan bahawa kemunduran masyarakat muslim dibandingkan dengan kemajuan yang telah dikecapi oleh barat menunjukkan bahawa permasalahan utama kemunduran sesebuah peradaban berpunca daripada masyarakat itu sendiri. Ini kerana manusia adalah elemen terpenting dalam mengembangkan sebuah peradaban (Dan et al. 2014).

Pendekatan Malik Bennabi banyak dipengaruhi oleh teori ‘Umran’ yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun. Beliau kemudiannya memperkenalkan pendekatannya sendiri yang menuntut kesedaran peradaban Islam sebagai strategi kebangkitan sesebuah umat. Beliau telah memerhatikan perkembangan yang berbeza terhadap dua buah peradaban iaitu dunia Islam yang jauh ketinggalan kebelakang akibat pelbagai kelemahan berbanding dengan dunia barat yang mampu menjajah orang lain dengan menggunakan ilmu dan kemajuan sains dan teknologi yang telah mereka kuasai. Rasa kagum terhadap barat tidak bermaksud beliau memihak kepada barat tetapi membantu untuk membentuk paradigma berfikir yang berkait rapat dengan kesedaran manusia dalam membangunkan sesebuah tamadun. Beliau menolak bahawa kemunduran umat Islam disebabkan oleh agama Islam sedangkan ianya terletak pada pemikiran masyarakat Islam. Pada zaman silam Eropah pernah melihat zaman kecemerlangan Islam dan mengambil kesempatan dengan peradaban agung tersebut dalam membina kemajuan masyarakat Eropah.

Kesimpulannya, manusia perlu memainkan peranan yang penting dalam mencapai sesebuah peradaban dan hanya dapat berkembang serta mencapai kemuncak kecemerlangan apabila disokong oleh kekuatan pemikiran dan penghayatan terhadap agama. Sesebuah peradaban perlu menjadikan kesilapan masa lalu sebagai iktibar demi menjana sebuah peradaban manusia yang kukuh pada amasa akan datang.

## Kajian Masa Depan Dan Hubungannya Dengan Peradaban Manusia

Kajian futuristik adalah satu bidang yang baru dalam sejarah intelektual barat dan merupakan satu bidang inter-disiplin. Ini merupakan percubaan para pengkaji dalam mengkaji kemungkinan dan kebarangkalian masa depan yang dikehendaki oleh manusia. Fenomena ini bukanlah sesuatu yang baru dalam peradaban manusia kerana setiap tamadun dan masyarakat mempunyai versi tersendiri untuk meramal dan mengkaji masa depan peradaban mereka seperti astrologi, numerologi, menilik nasib dan lain-lain lagi (Nasir et al. 2018).

Perubahan drastik yang melibatkan sebahagian besar perubahan teknologi menyebabkan kebergantungan antara sesebuah negara dengan masyarakat dunia lain semakin mengecil. Teori yang melibatkan kajian masa depan turut diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan. Intipati utama teori masa depan adalah berdasarkan kepada kelestarian masyarakat (sustainability of human society) dan paradigma sekular moden tentang perkembangan dan kemajuan manusia melalui proses sosio sejarah.

Alvin Toffler melalui trilogi penulisannya Future Shock (1980) menjelaskan tentang masa depan masyarakat dalam kerangka peradaban baru yang dinamakan sebagai ‘*The Third Wave Civilization*’ (Peradaban Gelombang Ketiga) di dalam tesis utamanya. Idea Toffler bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang masa depan dalam kalangan individu dan masyarakat. Kesedaran ini telah banyak membantu masyarakat untuk memahami isu-isu dalam terma utama berkaitan masa depan.

Pembangunan kajian masa depan yang diperkenalkan Toffler menyedarkan masyarakat bahawa ia merupakan fenomena yang sihat dan akan sentiasa berlaku dalam kehidupan seharian manusia. Secara keseluruhan, idea kajian masa depan Toffler menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan dan teknologi merupakan dua elemen pentru bagi menyediakan masyarakat mendepani cabaran perubahan yang selanjutnya berupaya membawa masyarakat kepada proses transformasi ke arah pembangunan peradaban manusia mengikut fasa gelombang ketiga.

## Cabarau Dan Strategi Pembangunan Peradaban Manusia

Kegemilangan Tamadun Islam bermula dari zaman Rasulullah SAW serta zaman pemerintahan Islam di Baghdad dan Andalusia sering dijadikan contoh oleh para sarjana Islam dalam memberi sumbangan terhadap kemajuan serta kecemerlangan umatnya. Ajaran Islam yang berpaksikan tauhid sentiasa menjadi pegangan hidup masyarakat pada masa itu dalam menjalani kehidupan seharian. Namun pada hari ini, kemerosotan pembangunan umat Islam telah mula melanda beberapa buah negara Islam (Baharudin dan Siti Aishah 2015). Hanya kesedaran sosial dari keseluruhan umat sahaja yang mampu mengubah pencapaian tamadun Islam dalam segala aspek termasuklah aspek sosial, politik dan ekonomi.

Akibat daripada kejatuhan empayar Islam pada masa silam, umat Islam hari ini perlu mengambil iktibar dengan peristiwa yang berlaku. Terdapat beberapa faktor yang menjadi faktor penyumbang kepada kejatuhan empayar Islam. Mengikut penganalisis sejarah lalu seperti Ibn Khaldun, Jurji Zaidan dan Welhausen, mereka berpendapat bahawa hal ini disebabkan oleh sikap *asabiyah* iaitu kehilangan kepercayaan agama dan ideologi politik, kemunculan semangat kepuakan dan ideologi perkauman yang sempit (Mashitah Sulaiman 2011).

## **Cabaran Dalam Memajukan Peradaban Manusia**

Umat Islam dilihat terlalu bergantung kepada pencapaian sains, teknologi, ekonomi dan politik barat. Oleh yang demikian, perancangan bersepadu perlu dilakukan untuk melaikan kebergantungan tamadun Islam terhadap konsep pemodenan acuan yang dibawa oleh barat. Masyarakat Islam perlu sedar bahawa mereka mempunyai potensi untuk mencapai kegemilangan peradaban manusia dalam pelbagai aspek. Beberapa cabaran yang perlu dirungkaikan melibatkan peradaban manusia pada masa depan antaranya (Mashitah Sulaiman 2011) ialah;

### **Cabaran Pertama: Dilema dalam menangani perubahan dunia yang semakin moden dan maju.**

Dilema yang dihadapai oleh masyarakat Islam hari ini ialah sama ada mengutamakan dunia atau memberi tumpuan kepada kehidupan akhirat semata-mata. Dilema untuk menerima teknologi atau menolak modenisasi yang berteraskan kepada sains dan teknologi sentiasa menghantui minda masyarakat Islam pada hari ini. Oleh itu, sebagai seorang muslim yang bertanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini seharusnya memahami keperluan dalam memenuhi tuntutan syarak demi keseimbangan mengurus kemakmuran alam.

### **Cabaran Kedua: Penguasaan dalam Sains dan Teknologi.**

Disebabkan penggunaan teknologi yang semakin meluas pada zaman ini, umat Islam tidak seharusnya hanya menjadi pengguna sains dan teknologi semata-mata. Sebaliknya pelbagai usaha sewajarnya perlu diteruskan bagi mencapai cita-cita sebagai pencipta teknologi seumpama tokoh-tokoh Islam pada zaman silam yang menjadi pelopor dalam bidang sains dan teknologi. Masalah ini melibatkan aspek kognitif dan epistemologi anggota masyarakat bagi setiap tamadun.

### **Cabaran Ketiga: Epistemologi ilmu.**

Kritikan terhadap asas ilmu dalam bidang sains dilihat bertentangan dengan Islam. Tuntutan cadangan dari beberapa tokoh pemikir Islam seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas yang berpendapat bahawa sains berasal dari barat yang sekular dan sains perlu melalui konsep Islamisasi Ilmu Islam yang berasaskan konsep Tauhid. Bukan sahaja pemikir Islam yang berpendapat sedemikian, malah terdapat juga kritikan-kritikan daripada pemikir barat seperti Richard Rorty yang berfahaman pasca modenisme. Perbezaan di antara pemikir Islam dan barat ini ialah pegangan dan kepercayaan mereka dalam bergama. Barat berfokuskan *humanisme* manakala Islam pula berasaskan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Namun kedua-duanya mempunyai tanggapan yang sama iaitu sains merupakan asas kepada pemikiran moden.

### **Cabaran Keempat: Sejarah.**

Dalam konteks sejarah ini, ia berkisar tentang bagaimana masyarakat melihat sejarah kegemilangan tamadun Islam pada masa lalu yang berjaya mencapai kegemilangan tetapi ianya

tidak berlaku pada hari ini. Persoalan ini perlu dikaji dan diselesaikan segera dan faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan masa lalu perlu diteliti sebaiknya bagi menghadapi cabaran peradaban manusia pada masa hadapan.

### **Cabaran Kelima: Penekanan yang kurang terhadap budaya pemikiran kreatif Dan inovatif.**

Pembentukan sikap negatif seperti kurang berdaya saing serta takut menghadapi cabaran juga merupakan faktor yang menjadi penghalang kemajuan sesebuah tamadun. Seharusnya masyarakat Islam hari ini perlu menilai dan sentiasa bermuhasabah terhadap kemajuan semasa yang dikehendaki oleh bangsa lain. Kelekaan dan sentiasa berpuas hati dengan kemewahan dan pencapaian yang pernah dicapai perlu dikikis segera agar sikap tersebut tidak menjelaskan mereka untuk terus berusaha mencipta kegemilangan dan peradaban manusia pada masa depan.

### **Cabaran Keenam: Kepimpinan dan kesatuan masyarakat**

Kepimpinan yang berwibawa haruslah ditonjolkan dalam masyarakat Islam pada hari ini. Pemimpin yang berwibawa mampu memimpin ahli masyarakat agar sentiasa bersatu padu serta bekerjasama dalam kalangan ahlinya dalam membentuk negara maju seiring dengan negara-negara maju yang lain. Seorang pemimpin yang baik perlu memainkan peranan dan tanggungjawab dengan penuh amanah dan seadilnya agar semua anggota masyarakat mendapat hak dan keistimewaan dengan sebaiknya tanpa ada sebarang diskriminasi. Hal ini akan membentuk masyarakat yang sentiasa tololong-menolong dan bersatu-padu dalam menjaga nama baik negara seterusnya mampu membina sebuah masyarakat dan negara yang disanjung serta disegani oleh orang luar.

### **Strategi Bagi Membangunkan Peradaban Manusia**

Kebangkitan peradaban manusia perlu mempunyai kekuatan yang mampu memacu kecemerlangan dan kegemilangan masa hadapan. Berbekalkan al-Quran sebagai panduan, dengan motivasi kecemerlangan Islam zaman silam dan diiringi usaha yang jitu, gigih serta penggembangan tenaga semua pihak tidak mustahil matlamat untuk memartabatkan kembali peradaban ummah menjadi realiti demi kemajuan dunia sejagat yang harmoni (bukan kemajuan yang bersifat memusnahkan).

Antara strategi-strategi yang perlu dalam membangunkan peradaban manusia termasuklah;

### **Strategi pertama: Pengintegrasian ilmu agama dan ilmu sains teknologi**

Gabungan antara agama dan sains merupakan dua faktor yang mempengaruhi jalan pemikiran manusia dahulu dan sekarang. Ini merupakan aspek yang penting dalam membina dan memperkasakan tamadun manusia pada hari ini. Menurut Mahmood Zuhdi (2000), dalam sejarah tamadun manusia, agama lahir sebagai hasil daripada keyakinan tentang adanya kuasa tertinggi yang perlu dipatuhi manakala sains pula bermula serentak dengan kegiatan berfikir manusia dalam menghadapi cabaran hidup. Kajian Maurice (2008) pula menjelaskan bahawa agama dan sains sentiasa dianggap sepasang dalam Islam. Manakala kajian Nur Eryanti (2012) pula menjelaskan bahawa isi pengetahuan sains yang disampaikan hanya terbatas kepada ilmu akal semata-mata

tanpa dikaitkan dengan aspek ketuhanan. Disebabkan itulah, pengintegrasian ini penting agar ianya tidak melahirkan satu masyarakat yang bersifat sekular. Ini sekaligus akan membentuk satu peradaban manusia yang seimbang antara dunia dan akhirat.

### **Strategi kedua: Pembentukan Modal Insan yang menyeluruh**

Proses pembentukan sesebuah tamadun yang hebat memerlukan kepada pembangunan modal insan yang menyeluruh (Siti Fatimah & Maimun 2015). Ianya perlu diutamakan agar matlamat untuk membina tamadun dapat dilaksanakan secara sistematik. Al-Qaradawi (1998) dan Ibnu Khaldun (al-Na'miy 1994) menegaskan bahawa manusia sebagai insan yang mempunyai sifat kesempurnaan akalnya, memiliki potensi diri dan kemahiran yang bertujuan untuk memahami, menguasai ilmu dan menonjolkan keupayaan seseorang serta mampu untuk meneroka kehidupan yang lebih baik dan menjauhkan daripada segala mara bahaya. Ini akan menjadikan manusia itu mampu mengurus bumi Allah SWT sebagai khalifah yang diamanahkan untuk mengekalkan kemakmuran alam sejagat seterusnya mampu membentuk sebuah tamadun manusia yang gemilang.

### **Strategi ketiga: Pembangunan jati diri yang seimbang**

Semua percaya bahawa setiap manusia perlu memainkan peranan yang penting untuk membangunkan peradaban dan ianya perlu kepada berbagai bentuk bakat sumber manusia. Sebagai agen pembangunan peradaban, setiap manusia perlu membangunkan jati diri mereka (Munammad Hilmie & Mohd Yusof 2017). Usaha pembangunan yang seimbang sangat diperlukan kerana sekiranya ia tidak dilakukan dengan seimbang, ia akan mendatangkan masalah yang lebih buruk seperti masalah pencemaran alam sekitar, krisis ekonomi dan gejala sosial dalam kalangan remaja hari ini. Jati diri ataupun identiti merupakan suatu inti pati yang sempurna terhadap suatu perkara. Ianya merupakan himpunan elemen yang menyeluruh dan membentuk manusia dan dalam masa yang sama bertindak membezakan antara manusia dengan makhluk atau kejadia lain.

## **Kesimpulan**

Untuk membina sebuah peradaban atau tamadun manusia yang utuh, ianya perlu kepada gabungan semua aspek dalam kehidupan. Aspek ilmu, sains dan teknologi, pemimpin dan anggota masyarakat perlu sama-sama mengembang tenaga dalam memastikan usaha membentuk peradaban yang dirancang dapat dicapai sebaiknya. Nilai-nilai baik yang terdapat dalam tamadun barat juga boleh diadaptasikan dalam kita membina tamadun manusia tanpa mengabaikan aspek nilai-nilai agama yang digariskan oleh Islam. Hasil gabungan yang mantap ini sudah pasti akan membentuk satu peradaban manusia yang mampu bertahan lama selari dengan perkembangan zaman teknologi moden hari ini.

## Rujukan

- Abdullah, C.H. (2013). Pembinaan Tamadun Islam Seimbang Melalui Psikologi Islam. *Jurnal Hadhari*. 5(1), 199–213.
- Azhar Hj. Mad Aross. (2004). Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Kertas 1 dan 2. Shah Alam: Fajar Bakti
- Dan, M., Peradaban, P., Yaacob, N.H., Baharudin, A.M. & Kemasyarakatan, J. (2014). Manusia dan perkembangan peradaban: Beberapa aspek pemikiran Malek Bennabi dan Ali Syariati. *Journal of Human Capital Development*.7(1), 83–97.
- Haji Baharudin, S.A.Y. (2015). Tamadun Islam dalam Perkembangan Era Globalisasi. *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*. 14(1), 1–9.
- Ismail, M.Z. & Mohamed, N. (2015). Islah Dan Tajdid : Pendekatan Pembinaan Semula Tamadun Islam. International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century (September): 679–690. <http://www.mindamadani.my/content/view/20/6/>.
- Jalil, M.H. (2017). Pembangunan Insan dalam Peradaban Islam. Dlm. Jawiah Dakir, Fariza Md sham, M.A.B. (pnyt). Peradaban Islam Pertama., hlm. 41. Bangi, Selangor: UKM.
- Jamaludin, M.H. (2018). Peradaban Dan Teologi Barat Menurut Pendeta Za'ba. *Jurnal Peradaban*. 11, 24–42.
- Kamus Dewan. (2005). Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashitah Sulaiman, M.M.A.M. (2011). Merekonstruksi Tamadun Islam sebagai Tamadun Dunia Masa Hadapan:Cabarannya dan Strategi Pembinaan Tamadun Ummah. Dlm. Tareq Ladjal (pnyt). World Congress For Islamic History and Civilization hlm. 57–74. Kuala Lumpur: UM.
- Mu'jam al-Sihah Qamus 'Arabiyy-'Arabiyy,ed.ke-1 (Bayrut: Dar al-Ma'rifah, 2007)
- Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiyy,ed.ke-1 (Alecso:Larousse, 1989)
- Al-Mustalah Mu'jam Injiliziy 'Arabiyy li al-Mufradat al-Ilmiyyah wa al-Fanniyyah,ed.ke-1 (Bayrut:Dar Bayrut,1967)
- Nasir, H., Sintang, S., Islam, P. & Hadhari, I. (2018). Kajian Futuristik Dan Hubungannya Dengan Pembangunan Peradaban Islam Di Malaysia (The Futuristic Study and The Relationship with the Development of Islamic Culture in Malaysia). *e-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities* 15(2).
- New Oxford English-English-Malay Dictionary,ed. semakan (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd. 2004.
- Norazlan Hadi Yaacob, Aiza Maslan @ Baharudin. (2015). Manusia dan Perkembangan Peradaban: Beberapa Aspek Pemikiran Malek Bennabi dan Ali Syariati. *Journal of Human Capital Development*. 7(1), 83–97.
- Pozai, M.H., Ahmad, M.S., Basiron, B., Nasih, A., Menurut, P.A., Islam, P. & Kuala, V. (2018). Kemunduran Umat Islam dalam Sains dan Teknologi. *Jurnal Sejarah* 4
- Al-Qardawi, Yusuf. (1996). Islamic Culture between Tradition and Modernity (trans. Ahmad Nuryadi Asmawi). Selangor (Malaysia): Thinker's Library.
- Rashid Ridha. (1954). *Tafsir al-Manar*. al-Qahirah: Dar al-Maktabah.
- Rofie, M.K.H. (2009). Tamadun Islam Prinsip dan Sumbangan Terhadap Peradaban Dunia. (P. H. Entreprise, Ed.). Jitra, Kedah. Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Toffler, Alvin. (1980). *The Third Wave: The Classic Study of Tomorrow*. New York: Bantam Books.

- Yahaya, M.H. (2011). ‘ Umran Al ‘ Alam From the Perspective of Ibn Khaldun : A Paradigm Change ‘ Umran Al ‘ Alam Dari Perspektif Ibn Khaldun : Suatu Anjakan Paradigma 3(1), 1–27.
- Yahaya, M.H. 2015. ‘ Umran : Pemungkin Kemakmuran di Alam Melayu. Journal of Human Development and Communication. 4, 45–62
- Ziauddin Sardar. (1997). Science, Technology and Development in the Muslim World. London: Croom Helm Ltd.